

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 24/02/2025

Edisi / Muka Surat : Sabah / 1

Tajuk : Ewon saran koperasi memanfaatkan peluang ekonomi hijau

Ewon saran koperasi memanfaatkan peluang ekonomi hijau

Oleh Yap Siong Han

PENAMPANG: Gerakan koperasi diminta untuk memanfaatkan peluang dalam ekonomi hijau dan pendigitalan untuk memperkukuhkan daya saing masing-masing.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, koperasi di Malaysia perlu menghayati semangat jati diri serta mengambil peranan lebih aktif untuk menjadi peneraju dalam inisiatif ekonomi hijau.

Menurutnya, pihak berkenaan juga perlu memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing.

“Kejayaan koperasi bukan sahaja memberi manfaat kepada ahlinya, tetapi turut memacu kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh dan ini sangat bertepatan dengan tema pengisytiharan 2025 sebagai Tahun Koperasi Antarabangsa iaitu Koperasi Membina Kesejahteraan Sejagat,” katanya ketika merasmikan Program Jom@Coop, di sini semalam.

Beliau berkata, penubuhan Universiti Keusahawan Koperasi Malaysia (UKKM) di bawah Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sebagai langkah strategik untuk melahirkan modal insan berpengetahuan dalam sektor koperasi.



RASMI: Ewon memalu gong sebagai simbolik perasmian Program Jom@Coop semalam.

Sehubungan itu, pihaknya menyeru golongan belia dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mempertimbangkan UKKM sebagai pilihan pengajian tinggi.

“Dengan kerjasama strategik antara IKMa, SKM, ANGKASA, Bank Rakyat dan agensi-agensi lain di bawah KUSKOP, ekosistem koperasi negara diyakini mampu melonjak ke tahap yang lebih tinggi. Ia akan menjadikan koperasi sebagai wahana utama dalam membina kehidupan yang lebih baik untuk masyarakat luar bandar serta memacu kesejahteraan sejagat,” katanya.

Dalam pada itu jelasnya, Program Jom@Coop yang dianjurkan oleh IKMa dan

kerjasama Bank Rakyat adalah sebuah program turun padang bagi menyantuni anggota koperasi terutamanya di kawasan luar bandar.

Menurutnya, ia sekali gus memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IKMa serta agensi-agensi lain di bawah KUSKOP yang meliputi 50 lokasi seluruh negara dengan keutamaan kepada kawasan luar bandar.

Sementara itu, Ketua Pengarah IKMa, Datuk Mohd Ali Mansor berkata, pihaknya menekankan kepentingan program Jom@Coop sebagai pemangkin pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi.

“Beberapa program IKMa

kini dirangka bagi membolehkan transformasi digital diadaptasi oleh koperasi selaras Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) dan Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030.

“Sepanjang tahun ini, IKMa merancang sebanyak 650 program di seluruh negara, meliputi empat kluster utama iaitu Pembangunan Kepimpinan Koperasi (PiMPin), Asas Perniagaan Koperasi (COOPBiF), Khidmat Bimbingan Koperasi Bersasar, dan Program Belia dan Komuniti Koperasi,” katanya.

Beliau berharap program itu dapat meningkatkan kapasiti koperasi dan melahirkan pemimpin yang berdaya saing.